

Penerima Sijil Asasi ada peluang sambung pengajian di UMS



KASIM (tengah) menyerahkan sijil kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan oleh Sazmal (kiri).

Oleh **YAP SIONG HAN**
yaphans@yahoo.com

KOTA KINABALU: Sijil Asasi yang dianugerahkan kepada pelajar yang berjaya, mempunyai nilai tinggi kerana sijil itu adalah tiket untuk meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Cancellor UMS, Prof Madya Datuk Dr Harun Abdullah berkata semangat dan komitmen tinggi yang ditunjukkan para pelajar untuk mendapatkan sijil itu akan menjadi kebanggaan universiti dan kedua ibu bapa.

"Saya ingin mengucapkan syabas kepada para pelajar

yang berjaya dan Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST) serta semua jabatan, sekolah, pusat, institut dan unit (JSPIU) yang membantu PPST bergerak ke arah kejayaan.

"Untuk membantu Malaysiamenjadinegaramaju, sains mesti ditekankan dalam kalangan masyarakat selaras dengan matlamat pendidikan sains yang menekankan usaha ke arah melahirkan masyarakat berliterasi serta membudayakan sains dalam setiap dimensi kehidupan," katanya ketika di majlis penyampaian Sijil Asasi kali ke-3 PPST di sini kelmarin.

Teks ucapannya di sampaikan oleh Timbalan Naib Cancellor Hal Ehwal

Pelajar dan Alumni (HEPA) UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur.

Harun berkata, realiti di sebalik perkara itu adalah pelajar yang diharapkan memberikan impak kepada matlamat itu semakin berkurangan sekaligus menjejaskan wawasan negara untuk mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif.

Katanya, kajian Pelan Hala Tuju Modal Insan Sains dan Teknologi tahun 2020 yang memerlukan 60 peratus aliran sains dan 40 peratus aliran sastera masih belum dicapai.

"Situasi itu sedikit sebanyak membantutkan usaha untuk meningkatkan inovasi teknologi ke arah

transformasi ekonomi negara maju berpendapatan tinggi.

"Saya menyeru kepada para pelajar sekalian agar terus menanam minat terhadap bidang sains teknologi serta bertekad dan bersemangat menjadi sebahagian daripada nadi penggerak negara ini," katanya.

Harun berharap pelajar akan meneruskan cita-cita murni, berusaha keras dan memastikan kejayaan terus dikecapi tidak kira apa jua bidang pengajian yang dipilih.

Sehingga kini PPST berjaya melahirkan sejumlah 353 penerima Sijil Asasi.

Turut hadir ialah Pengarah PPST, Dr Sazmal Effendi Arshad.